



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

**SIARAN MEDIA**

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SABAH  
BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Sabah hari ini. Sesi libat urus ini dipengerusikan secara bersama oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Shafie bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang bertujuan untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan mengenai hala tuju pembangunan Negeri Sabah yang akan diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12.

RMKe-12 akan dirangka berdasarkan tiga dimensi, iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan perekayasaan sosial. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan rancangan pembangunan di peringkat negeri serta melakar masa depan ekonomi baharu, perspektif nasional dan kemampuan atau kekuatan yang dimiliki oleh setiap negeri akan diberi perhatian bagi menjamin pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan saksama.

Kerajaan telah mengenalpasti 15 Bidang Pertumbuhan Utama Ekonomi yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan selaras dengan kehendak negara dan Gagasan Kemakmuran Bersama yang mendasari RMKe-12. Dalam konteks Negeri Sabah yang kaya dengan khazanah alam semulajadi, ia merupakan salah satu kelebihan yang ada, yang berpotensi untuk dioptimum sepenuhnya bagi meningkatkan industri pelancongan.

Berdasarkan statistik terkini, jumlah pelancong asing yang masuk ke Negeri Sabah telah mencecah lebih 3 juta orang setahun. Ini menjadikan Sabah berpotensi tinggi menjadi hub pelancongan yang berpengaruh di wilayah ini. Dalam hal ini, tumpuan perlu diberikan khususnya untuk menarik *high-net-worth tourists* daripada negara berdekatan seperti China dan Filipina.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sabah, YB Datuk Seri Panglima Hashim Paijan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MEA serta ketua-ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Sabah.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**26 Julai 2019**